

## ADUN mestiutamakan rakyat - Raja Perlis

UM/2003/01/27/1/4/1/Perlis LG  
KANGAR 25 Mei - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mengingatkan wakil-wakil rakyat di negeri ini supaya mengekalkan tradisi mengutamakan kepentingan rakyat walaupun memiliki ideologi politik yang berbeza.

Baginda mahu budaya murni itu sentiasa diperkemaskan ke tahap terbaik untuk diselarikan dengan ikrar golongan berkenaan sendiri sebagai wakil rakyat di kawasan masing-masing.

Titah baginda, salah satu tempat untuk golongan itu berkongsi idea bagi menabur bakti kepada rakyat adalah ketika menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri (DUN).

"DUN merupakan satu lambang kedaulatan sesebuah negeri. Pada masa yang sama, DUN juga melambangkan rakyat di negeri itu sendiri.

"Beta berharap setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sentiasa menjaga kedaulatan negeri dengan penuh sopan untuk kepentingan rakyat," titah baginda ketika merasmikan Kompleks DUN Perlis di sini hari ini.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, adalah tidak adil jika wakil rakyat menggunakan DUN bagi menjaga kepentingan peribadi mereka sendiri.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail serta Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Tuanku Syed Sirajuddin percaya Kompleks DUN Perlis yang dibina dengan kos RM49 juta itu dapat berfungsi sempurna bagi menepati piawaian yang dikehendaki oleh rakyat.